

Tiba masa PAS terajui PN, tawarkan calon PM11



Felo The Future
Research

Oleh Mohd Afifi Abdul Razak
bhrencana@bh.com.my

Muktamar Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM) meluluskan satu usul bersejarah mendesak PAS mempersiapkan parti memimpin Perikatan Nasional (PN) dan menampilkan calon Perdana Menteri daripada parti itu.

Usul ini dibentangkan Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS, Khairul Nadzir Helmi Azhar dalam sesi perbincangan dan mendapat sokongan sebulat suara lebih 750 perwakilan yang hadir.

Asas kepada usul ini adalah kekuatan politik semasa yang nyata, di samping legitimasi sejarah, pengalaman luas dalam pentadbiran serta tawaran kestabilan politik jangka panjang.

Usul ini turut menggariskan beberapa asas pertimbangan penting.

- Pertama, senioriti PAS dalam politik Malaysia membuktikan kredibiliti dan kestabilan parti. Sama ada ketika menjadi pembangkang atau mentadbir negeri, PAS tetap konsisten serta teguh dalam perjuangan.

Pencapaian terkini membuktikan kekuatan sebenar PAS, termasuk kejayaan meraih 43 kerusi Parlimen pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), menyumbang kepada kemenangan keseluruhan PN sebanyak 74 kerusi Parlimen, penguasaan empat negeri secara langsung, iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu serta kejayaan meraih 126 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN), jumlah tertinggi dalam PN. Semua ini menggambarkan pengaruh serta sokongan akar umbi yang kukuh terhadap PAS.

- Kedua, masa depan Malaysia amat memerlukan kepemimpinan bersih, berintegriti, berwibawa serta berlandaskan prinsip Islam yang mampu menjamin keadilan dan kesejahteraan untuk semua. PAS, sebagai parti konsisten berpegang kepada prinsip Islam, diyakini dapat menyediakan calon Perdana Menteri yang memenuhi keperluan kepemimpinan sebegini.

- Ketiga, PAS kini berada pada kedudukan strategik dalam PN. Menampilkan calon Perdana Menteri daripada parti ini akan mencerminkan legitimasi dan kekuatan sebenar PAS, selain menegaskan peranannya sebagai teras utama dalam politik nasional.

- Keempat, kejayaan PAS pada pilihan raya membuktikan mandat rakyat semakin kukuh. Justeru, PAS bukan sahaja layak, malah berada pada kedudukan terbaik untuk menawarkan calon Perdana Menteri berwibawa, bersih dan dipercayai rakyat.

Bagi memastikan kesediaan penuh, usul ini mengemukakan cadangan yang jelas. PAS perlu segera mempersiapkan jentera parti di semua peringkat agar mampu mengambil alih peranan utama dalam PN.

Selain itu, PAS disarankan menampilkan calon Perdana Menteri daripada kepemimpinan parti dalam rundingan rasmi bersama komponen PN. Langkah ini bukan sahaja menjadi simbol kesanggupan PAS untuk memimpin, bahkan mencerminkan kematangan politik parti berdasarkan pencapaian besar yang direkodkan.

Menariknya, usul ini turut mendapat sokongan penuh daripada pimpinan tertinggi PAS. Mursyidul Am PAS, Datuk Hashim Jasin, secara terbuka menegaskan sudah tiba masanya PAS mengambil peranan utama dalam PN dengan menampilkan calon Perdana Menteri daripada parti itu. Beliau menjelaskan usul ini bukanlah satu cadangan baharu, sebaliknya kesinambungan kepada hasrat yang be-

liau suarakan sejak dua tahun lalu.

Mesti berani buat keputusan dasar

Menurut Hashim, PAS mesti berani membuat satu keputusan dasar pada peringkat PN, hasil rundingan rasmi dengan parti komponen, agar kedudukan parti dalam gabungan lebih jelas dan dihormati.

Sokongan ini turut diperkukuh kenyataan Naib Presiden PAS, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar, yang menegaskan detik untuk PAS mengambil alih kepemimpinan PN sebenarnya sudah tiba.

Menurut beliau, kepemimpinan dalam PN perlu digerakkan melalui semangat muafakat politik yang tulen dengan menekankan rundingan dan kesepakatan matang antara parti komponennya.

Ahmad Samsuri menjelaskan apa yang paling penting ketika ini adalah memperkukuh muafakat politik dalam PN agar gabungan berkenaan benar-benar kukuh dan bersatu hati dalam mende-

pani cabaran pilihan raya akan datang.

Pandangan peribadi saya, PAS memang dilihat

“Dengan pengalaman pentadbiran yang panjang, penguasaan kerusi Parlimen dan empat negeri serta imej kepemimpinan bersih, PAS diyakini mampu menawarkan calon Perdana Menteri berwibawa, stabil dan berintegriti”



Kekuatan jentera dan akar umbi PAS dengan pengalaman pentadbiran yang panjang dilihat lebih wajar memimpin PN.

lebih wajar memimpin PN berbanding BERSATU kerana PAS mempunyai kerusi Parlimen terbanyak iaitu 43 kerusi, berbanding hanya 31 kerusi milik BERSATU.

PAS juga mengetuai kerajaan di empat negeri, selain memiliki pengalaman mentadbir lebih lama dan dominan di Kelantan, Terengganu serta Kedah, berbanding BERSATU hanya pernah mengetuai kerajaan negeri untuk tempoh singkat dan tidak dominan seperti berlaku di Johor, Kedah dan Perak ketika era Pakatan Harapan (PH) antara 2018 hingga 2020.

Selain itu, PAS juga mempunyai pengalaman luas mengetuai kerjasama politik seperti Barisan Alternatif (BA) antara 1999 hingga 2008 serta menjadi rakan penting dalam Pakatan Rakyat (PR) bermula 2008 hingga 2015.

Pengalaman ini membolehkan PAS memahami selok-belok politik blok pembangkang dengan lebih mendalam. Dari sudut kekuatan jentera dan akar umbi, PAS jauh lebih tersusun dan mantap.

Kepemimpinan PAS juga lebih solid dan tidak tercalar dengan krisis dalaman, berbeza dengan BERSATU yang sering dipalit perbalahan kepemimpinan dan isu salah laku.

Saya jangkakan usul ini akan diluluskan Muktamar Tahunan PAS Ke-71. Melaluinya, PN dijangka akan menjadi lebih kuat dan mantap jika PAS mengambil alih tampuk kepemimpinan.

Dengan pengalaman pentadbiran yang panjang, penguasaan kerusi Parlimen dan empat negeri serta imej kepemimpinan bersih, PAS diyakini mampu menawarkan calon Perdana Menteri berwibawa, stabil dan berintegriti.

Jika PAS tidak mengetuai PN sekalipun, sekurang-kurangnya kepemimpinan PN perlu diperkukuh melalui model kepemimpinan bersama dengan PAS dan BERSATU berkongsi jawatan pengerusi, sebagai langkah strategik bagi menghadapi cabaran PRU16 dengan lebih yakin dan berkesan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH